

Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia

**Nazri Muslim, Faridah Jalil, Abdul Aziz Bari
Mansor Mohd Noor and Khairul Anwar Mastor**
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan di kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan dalam konteks hubungan etnik di Malaysia. Kajian ini melibatkan seramai 800 responden yang dipilih dari empat buah IPTA. Data kajian diperolehi melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan program SPSS. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, statistik jadual silang (crossstabulation) dan correlation coefficient digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menilai tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan adalah tinggi secara keseluruhan. Namun, terdapat perbezaan yang ketara tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar mengikut etnik dan aliran pendidikan. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan bagi menangani isu berkaitan dengan peruntukan orang Melayu. Seterusnya, kajian ini turut menyumbang kepada bidang ilmu kerana metodologinya berbentuk kuantitatif berbeza dengan kebanyakan kajian sebelum ini yang dilakukan secara kualitatif serta menghasilkan satu instrumen soal selidik untuk kajian selanjutnya.

Kata Kunci: *peruntukan orang Melayu; Perkara 153; hubungan etnik; kontrak sosial*

ABSTRACT

This research aims to examine the level of knowledge, understanding, acceptance and perception among public university students towards Malays in the Federal Constitution within the context of ethnic relations in Malaysia. This research involves 800 respondents selected from four public universities. The data is collected through survey with SPSS to analyze the function of descriptive statistic such as frequency, percentage, mean, cross tabulation and correlation coefficient to describe and explain respondents' background and evaluate their level of knowledge, understanding, acceptance and perception towards provisions of the Malay in Constitution. The findings of this research also show that the level of knowledge, understanding and acceptance of students towards provisions of the Malay in the Constitution is high in general. However there are

clear differences in terms of knowledge, understanding, acceptance and perception level of students depending on their ethnicity and education stream. Based on these findings, a few suggestions are addressed to solve conflicts pertaining Malay. Furthermore, a lot have been made through qualitative researches, but yet a few is done quantitatively. This research therefore is theoretically contributed to the field in term of its quantitative nature with the production of a survey instrument.

Keywords: provisions of the Malay; Article 153; ethnic relations; social contract

Pengenalan

Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, begitu berilitzam ke arah mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi antara etnik dan wilayah (Malaysia 2006). Perpaduan dan integrasi ini penting bagi menjamin kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang etnik dan mempunyai wilayah yang terpisah di antara negeri-negeri. Jadual 1 jelas menunjukkan bahawa terdapat tiga etnik yang besar di Malaysia iaitu Bumiputera (Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak), Cina dan India yang masing-masing merangkumi 65.9%, 25.3% dan 7.5% dari jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2005. Statistik ini memperlihatkan kemajmukan masyarakat di Malaysia yang terbahagi kepada tiga etnik yang besar iaitu Bumiputera yang terdiri daripada etnik Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak, Cina dan India serta lain-lain etnik.

Jadual 1 : Komposisi Penduduk Malaysia, 2000-2010 (Juta orang)

Jumlah (Juta)	Penduduk	Tahun 2000	Tahun 2005	Tahun 2010	
Bumiputera	14.56	66.1%	16.06	65.9%	17.95
Cina	5.58	25.3%	6.15	25.3%	6.52
India	1.63	7.4%	1.83	7.5%	1.97
Etnik lain	0.27	1.2%	0.32	1.3%	0.35
Jumlah Penduduk	22.04	100%	24.36	100%	26.79
					100%

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. hlm 30.

Kemajmukan ini seterusnya akan membawa kepada wujudnya isu-isu dalam hubungan etnik di Malaysia. Menurut Ratnam (1969), isu-isu bahasa, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu akan menentukan suasana hubungan etnik di masa hadapan dan bergantung kepada bagaimana persoalan mengenai kedudukan istimewa orang Melayu, agama dan bahasa diselesaikan.

Isu-isu dalam hubungan etnik di Malaysia telah mengalami banyak perubahan dalam tempoh lima dekad lalu. Hubungan etnik negara ini telah melalui beberapa fasa dimulai bermula dari negara mula bergerak ke arah kemerdekaan sehingga mutakhir ini. Menurut Chandra Muzaffar, kontroversi kaum di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa fasa, bermula dari tahun 1950-an. Ketika itu, isu kewarganegaraan dan kontrak sosial mendominasi hubungan kaum, diikuti dengan isu bahasa pada tahun 1960-an sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), manakala kuota dan urbanisasi mencorakkan hubungan etnik pada tahun 1970-an dan 1980-an. Manakala tahun 1990-an dan milenium, isu-isu agama begitu kuat mempengaruhi hubungan etnik di negara ini. Isu agama yang muncul sejak akhir-akhir ini, berbanding isu-

Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam
Perlombagaan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia

isu lain dalam hubungan kaum di Malaysia, menurut Chandra Muzaffar begitu kritikal impaknya (Baharum Mahusin 2006). Pandangan ini disokong oleh Syed Husin Ali (2008) yang menyifatkan sentimen hubungan etnik pada masa kini berada pada tahap tinggi yang boleh menyebabkan konflik dan pertumpahan darah. Kajian menunjukkan di Malaysia, terdapat 21 kes konflik perkauman antara 1945 hingga Mei 1969. Sementara itu, terdapat dua konflik perkauman yang terkini berlaku iaitu di Kampung Rawa, Pulau Pinang pada tahun 1998 dan Kampung Medan pada Mac 2001 (Azman Amin Hassan 2005).

Jadual 2: Konflik Sosial dari Tahun 1996-2002 yang Dilaporkan

Jenis Konflik/Tahun	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002	Total
Agama	7	2	25	11	8	9	3	65
Pergaduhan	12	4	10	5	8	28	14	81
Kaum								
Gangguan Awam	0	0	4	2	2	1	1	10
Pembunuhan	0	1	0	0	0	0	0	1
Keselamatan	6	0	1	7	6	17	1	38
Perkauman	2	2	1	1	1	0	0	7
Pendidikan	1	0	0	0	0	0	0	1
Penindasan	0	1	0	0	0	0	0	1
Masalah Sosial	1	0	4	0	0	2	0	7
Protes	0	0	10	8	0	0	1	19
Politik	1	0	8	31	8	13	15	76
Ekonomi	0	0	4	0	1	2	1	8
Kejiranan	3	3	0	0	0	3	0	9
Setinggan	0	0	0	0	0	0	3	3
Lain-lain	0	0	0	0	0	0	1	1
Total	33	13	67	65	34	75	40	327

Sumber: Dipetik dari Azman Amin Hassan (2005), Solving conflicts in a multicultural society: The case of Kampung Medan. In Muhammad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hassan. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM. hlm 111.

Berdasarkan statistik dan pemantauan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, terdapat 327 kes yang dilaporkan berkaitan dengan konflik sosial dari tahun 1996 hingga 2002. Jadual 2 menggambarkan dengan lebih terperinci konflik perkauman yang berlaku di negara ini di mana 81 kes berkaitan dengan pergaduhan perkauman iaitu yang tertinggi, diikuti 76 kes politik, 65 konflik agama dan sebagainya. Kebanyakan pergaduhan perkauman melibatkan pelajar sekolah yang dikategorikan sebagai masalah disiplin. Namun, jika ini tidak diambil tindakan pencegahan dan pemantauan, ia akan memberi kesan yang serius terhadap masa hadapan.

Berdasarkan kepada Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional Lima Tahun (2005-2010) didapati bahawa isu-isu seperti mencabar kontrak sosial, pergeseran keagamaan dan bahasa, seringkali dibangkitkan dan boleh menimbulkan konflik yang berpanjangan jika tidak ditangani dengan baik dalam konteks hubungan etnik di Malaysia (Malaysia 2004). Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional Lima Tahun (2005-2010), juga melihat isu-isu berkenaan boleh berperanan sebagai penstabil politik dan pemupukan perpaduan serta memberi kesan terhadap hubungan etnik di Malaysia. Peranan ini turut dipersetujui oleh Mohd Salleh Abas (1985) iaitu unsur-unsur tradisi diperlukan untuk kestabilan serta kemajuan dan

memainkan peranan penting dalam perjalanan perlembagaan. Namun, adakah peranan unsur-unsur tradisi ini sebagai faktor penstabil politik dan pemupukan perpaduan serta memberi kesan terhadap hubungan etnik di Malaysia?

Permasalahan berkaitan dengan kontrak sosial turut mengundang kerajaan mengambil langkah yang efektif bagi menjelaskan kepada rakyat khususnya generasi baru tentang kontrak sosial yang seolah-olah sudah dilupakan. Ini kerana sejak kebelakangan ini ada pihak yang cuba mendesak supaya kontrak sosial itu dihapuskan atau dikaji semula di mana tidak ada lagi penghayatan terhadapnya (Salleh Buang 2007). Walaupun pelbagai langkah telah diambil seperti pendedahan mengenai perlembagaan dalam subjek sejarah di peringkat sekolah dan kursus Pengajian Malaysia atau Kenegaraan Malaysia di peringkat Institusi Pengajian Tinggi, namun unsur-unsur tradisi ini terus menjadi polemik dalam masyarakat. Suasana ini memperlihatkan langkah tersebut masih belum mampu menjelaskan perkara ini. Sistem pendidikan dan media massa tidak digunakan untuk mempromosi persefahaman yang lebih baik antara etnik (Syed Husin Ali 2008). Adakah situasi ini berpunca kerana ia tidak diterangkan dengan baik melalui sistem pendidikan, media massa maupun institusi masyarakat?

Polemik isu-isu ini juga menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman rakyat Malaysia masih lagi rendah dan kurang dihayati, tidak seperti mana berlaku semasa persetujuan mengenai kontrak sosial dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (Awang Sariyan 2008). Kesedaran dan kefahaman yang rendah terhadap unsur-unsur tradisi ini selaras dengan pendapat Tun Dr. Mahathir Mohamed yang mahukan kefahaman tentang kontrak sosial antara kaum yang telah wujud di negara ini sejak sebelum mencapai kemerdekaan perlu ditingkatkan. Menurut beliau, tindakan tersebut adalah perlu bagi mengelakkan perselisihan antara kaum terutama apabila timbul isu-isu perkauman yang dibesar-besarkan (Utusan Malaysia 2001).

Ini selari dengan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-12 di Dewan Rakyat yang menjelaskan sejarah kemerdekaan dan Perlembagaan Persekutuan perlu difahamkan kepada golongan muda supaya mereka lebih memahami asas pembentukan negara (Berita Harian 2009). Adakah permasalahan ini memperlihatkan tahap pengetahuan dan kefahaman serta penghayatan generasi muda semakin berkurangan terhadap kontrak sosial yang telah dipersetujui bersama semasa menggubal perlembagaan dahulu? Awang Sariyan (2008) juga berpendapat bahawa belum ada kajian yang dibuat tentang adakah masyarakat kini, khususnya generasi muda memahami isu yang berkaitan dengan kontrak sosial atau lebih asas lagi fahamkah masyarakat akan kandungan kontrak sosial itu.

Objektif kajian

1. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.
3. Untuk mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kajian lepas

Kajian mengenai Perlembagaan Persekutuan boleh dibahagikan kepada dua. Pertama mengikut pendekatan sejarah atau politik seperti yang dibuat oleh Ratnam (1969), Means (1991), Karl von Vorys (1975) dan Heng Pek Khoon (1988). Ratnam (1969) dan Karl von Vorys (1975), menilai pembangunan dan perkembangan politik Melayu sementara Heng Pek Khoon (1988) pula mengesahkan perkembangan kesedaran politik di kalangan etnik Cina. Kajian Means (1991) pula menjurus kepada beberapa aspek penting dalam perlembagaan berdasarkan Laporan Suruhanjaya Reid, memorandum dari organisasi dan individu dan laporan akhbar. Kedua, mengikut pendekatan perundangan seperti Hickling (1960), Mohamed Suffian Hashim (1987), Sheriden dan Groves (1979), Mohamed Suffian Hashim, Trindade and H.P Lee (1983) dan Abdul Aziz Bari (2005). Namun perbincangan dari perspektif hubungan etnik masih lagi berkurangan dan lebih tertumpu pada permasalahan pemerintahan negara.

Kajian mengenai kedudukan istimewa orang Melayu telah disentuh oleh beberapa pengkaji. Antaranya kajian Ratnam berkisar tentang penerimaan orang Melayu dan bukan Melayu terhadap kedudukan istimewa orang Melayu. Beliau berpandangan, orang Melayu bersetuju mengenai perkara ini dalam meningkatkan taraf hidup mereka berbanding etnik lain. Manakala pandangan orang bukan Melayu terbahagi kepada dua iaitu yang bersikap sederhana iaitu bersedia menerima pendapat bahawa orang Melayu wajar diberi keistimewaan sehingga terdapat tempoh mereka boleh bersaing tanpa sebarang bantuan. Kedua, mereka yang cenderung menolak seluruh gagasan keistimewaan kerana bertentangan dengan dasar-dasar demokrasi (Ratnam, K.J 1969).

Mohamed Suffian Hashim (1987) menganggap bahawa perkara 153 bukanlah bertujuan hendak menahan kemajuan orang bukan Melayu, tetapi ia dibuat demikian dengan tujuan bagi menjamin kemajuan kaum bumiputera dan mereka tidak boleh dipersalahkan kerana masih kurang maju dalam bidang pelajaran, sosial dan ekonomi. Para pemimpin kaum bukan bumiputera telah bersetuju dengan peruntukan ini sebagai membalas pemberian syarat-syarat kewarganegaraan yang longgar dan syarat yang demikian membolehkan mereka menjadi warganegara dengan satu coretan pena sahaja. Perbincangan beliau menjurus kepada perbahasan kenapa perkara ini diterima dalam perlembagaan.

Hashim Yeop Sani (1973) bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Suruhanjaya Reid mengenai kedudukan istimewa orang Melayu iaitu ia adalah penerusan perjanjian-perjanjian awal yang telah dibuat antara negeri-negeri Melayu dengan penjajah Inggeris. Mohd Salleh Abas (1985) menjelaskan kedudukan istimewa orang Melayu termasuklah perjawatan dalam perkhidmatan awam, pemberian biasiswa dan bantuan atau lain-lain kemudahan pelajaran dan permit serta lesen yang diperlukan untuk perniagaan dan perdagangan. Termasuk juga dalam kedudukan istimewa ini ialah Perkara 89 dan 90 berhubung tanah rizab Melayu dan kemasukan perkhidmatan oleh orang Melayu ke dalam Rejimen Askar Melayu di-Raja oleh Perkara 8(5). Menurut beliau lagi, kedudukan istimewa ini tidak mutlak, tetapi diseimbangkan dengan kepentingan sah lain-lain kaum.

Perkara ini juga telah disentuh oleh Milne dan Mauzy (1992) yang memperjelaskan ia adalah satu tawar menawar antara orang Melayu dan bukan Melayu dan tempoh perlaksanaan kedudukan istimewa orang Melayu ini. Situasi ini menggambarkan bahawa suatu keadilan jangka pendek yang samar-samar antara tuntutan pelbagai kaum itu sebenarnya telah tercapai. Pandangan Milne dan Mauzy ini menunjukkan bahawa Perkara 153 ini disepakati semasa menggubal perlembagaan dan sukar ditentukan penerimaannya oleh orang bukan Melayu dalam jangka panjang. Namun pandangan Milne dan Mauzy yang mengatakan bahawa ia adalah satu tawar menawar antara Melayu dan bukan Melayu disangkal oleh Ramlah Adam.

Menurut Ramlah Adam (2004), sebenarnya orang Melayu tidak mendapat apa-apa ganti rugi daripada tolak ansur tersebut. Kedudukan istimewa orang Melayu bukanlah suatu peruntukan baharu dalam pentadbiran British. Peruntukan ini telah ada dalam Perjanjian Persekutuan 1948 di bawah tanggungan Pesuruhjaya Tinggi. Dalam Bahagian III, Kuasa Memerintah Persekutuan, Fasal 19(c) adalah menjadi tugas Pesuruhjaya Tinggi British untuk menjaga segala keselamatan keadaan orang Melayu yang khas. Suruhanjaya Reid hanya meneruskan untuk 15 tahun selepas merdeka.

Harding (1969) yang menyentuh mengenai Perkara 153 iaitu kedudukan istimewa orang Melayu menjelaskan ia adalah sesuatu yang agak berlainan dalam sesebuah perlombagaan. Perlombagaan Persekutuan tidak melindungi hak minoriti tetapi hak majoriti. Bagaimanapun persoalan ini boleh berjalan dalam rangka perlombagaan Malaysia dan konsep diskriminasi boleh disesuaikan dengan konsep kesamarataan yang merupakan konsep asas dalam undang-undang perlombagaan.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2001) turut membincangkan aspek ini dengan mengatakan bahawa hak istimewa ini adalah sesuatu yang adil kepada orang Melayu kerana empat sebab iaitu memberi peranan watak dan keperibadian, menubuhkan tamadun antarabangsa, mempertahankan tanah air ini dari ancaman luar dan penjajah dan bersikap berlapang dada dan muhibah. Bagi Joseph M. Fernando (2002), peruntukan kedudukan istimewa orang Melayu menimbulkan masalah dalam perbincangan Jawatankuasa Kerja Parti Perikatan. Ini kerana Perikatan diminta agar kedudukan istimewa ini dikaji semula selepas 15 tahun, tetapi pemimpin UMNO tidak bersetuju kerana akan dipertikaikan oleh orang Melayu.

Kajian oleh Awang Sariyan (2008) mendapati bahawa kontrak sosial yang dimaksudkan merupakan unsur penting dalam sejarah pembentukan bangsa dan negara ini. Sebelum kedatangan penjajah Inggeris, Tanah Melayu diidentifikasi dengan penduduk asalnya yang teras iaitu bangsa Melayu. Apabila penjajah membawa orang Cina dan India secara beramai-ramai untuk menjadi tenaga kerja bagi manipulasi ekonomi penjajah sendiri, maka situasi demografi negara ini secara langsung berubah. Atas desakan penjajah Inggeris, orang Melayu perlu menerima syarat kemerdekaan yang akan diberikan hanya jika kaum-kaum yang asalnya pendatang itu diterima sebagai warganegara. Sebagai imbalan kepada pemberian taraf kewarganegaraan itu, maka para pemimpin kaum-kaum lain itu setuju menerima peruntukan yang berkaitan dengan kepentingan orang Melayu. Perkara yang menjadi asas persetujuan itu ialah kedudukan Raja-raja Melayu, kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera. Itulah yang dinamai kontrak sosial dalam konteks pembentukan negara ini sesudah lepas daripada belenggu penjajahan.

Kajian yang dibuat oleh Rosfazila Abd. Rahman dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2007) pula menunjukkan tahap pengetahuan orang Melayu terhadap hak istimewa mereka dalam perlombagaan adalah baik (97%), dan tahap pemahaman mereka terhadap hak istimewa masih rendah (62.5%). Walaupun kajian ini dibuat secara kuantitatif, namun tidak menyeluruh sifatnya kerana bilangan responden yang sedikit dan terdiri dari orang Melayu sahaja. Kajian ini juga cuba membuat pembaharuan dalam kajian-kajian mengenai perlombagaan apabila menggunakan soal selidik dan satu permulaan yang baik.

Dalam buku Modul Hubungan Etnik (2007) yang dijadikan teks wajib bagi pelajar IPTA turut menjelaskan mengenai peruntukan agama Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu. Kaedah yang sama juga dibuat oleh Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006) turut menyentuh mengenai peruntukan agama Islam dan kedudukan istimewa orang Melayu. Manakala perbincangan mengenai kedudukan istimewa orang Melayu pula dengan melihat rasionalnya orang Melayu

mendapat kedudukan istimewa kerana ini adalah satu persetujuan antara orang Melayu dan bukan Melayu di mana orang bukan Melayu mendapat kewarganegaraan secara *jus soli* dan orang Melayu mendapat kedudukan istimewa, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam sebagai agama persekutuan serta berdasarkan statistik, ternyata orang Melayu masih jauh ketinggalan dalam perkhidmatan awam, ekonomi dan pendidikan. Buku ini menyimpulkan bahawa menghormati hak dan kepentingan setiap golongan etnik di Malaysia seperti mana yang termaktub dalam Perlombagaan Persekutuan sangat perlu dihayati bersama agar dapat menghindarkan sebarang konflik yang wujud.

Berdasarkan kajian lepas, masih terdapat ruang yang belum dikaji iaitu berkaitan persepsi masyarakat khususnya generasi muda terhadap peruntukan orang Melayu yang sering menjadi polemik dan isu dalam masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk dari perspektif hubungan etnik. Ini kerana kajian sebelum ini berbentuk kualitatif dengan merujuk kepada dokumen sedia ada.

Metodologi kajian

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif mengenai persepsi di kalangan pelajar di IPTA. Menurut Wiersma (1995) kaedah ini merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian sesuatu program. Bentuk deskriptif juga digunakan sejakar dengan keperluan kajian iaitu untuk melihat sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting 1990). Maka, satu set soal selidik disediakan bagi tujuan tersebut yang dibina sendiri oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Menurut Tuckman (1999), soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden.

Populasi kajian ini ialah semua pelajar tahun tiga di empat IPTA yang terpilih iaitu UM, USM, UKM dan UPM. Kekangan kewangan dan masa menghalang penyelidik melakukan kajian di seluruh IPTA. Pemilihan pelajar UM, UKM dan UPM kerana mereka terdedah kepada kepelbagaiannya etnik kerana ketiga-tiga IPTA tersebut terletak di Lembah Kelang dan Lembah Kelang juga menggambarkan nisbah kependudukan Malaysia serta bilangan pelajar yang terdiri dari pelbagai etnik. Walaupun USM bukan terletak di Lembah Kelang, namun USM juga mempunyai ciri-ciri yang sama dengan UM, UKM dan UPM kerana keempat-empat universiti tersebut adalah universiti yang terawal ditubuhkan dan tergolong dalam Universiti Penyelidikan. Ini memberi impak kepada pemantapan persatuan-persatuan pelajar berbanding universiti baru dan sentiasa menjadi pilihan utama pelajar dalam kemasukan ke IPTA. Keadaan ini sangat signifikan dan realistik kepada persepsi pelajar dalam sesuatu isu khususnya yang melibatkan isu-isu hubungan etnik.

Pemilihan sampel pula dibuat melalui kaedah pensampelan berkelompok. Pensampelan berkelompok boleh digunakan dengan menentukan bilangan kelompok seperti mengikut negeri, daerah atau mukim. Pemilihan secara ini sesuai jika populasi besar dan bertaburan di merata tempat. Ia juga dapat menjimatkan masa serta mengurangkan pelbagai masalah kerana pengkaji mengelompokkan sampel dalam satu kelompok sebelum pemilihan secara rawak dilakukan. Maka, untuk menentukan bilangan responden, Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan.

Jadual 3: Bilangan Pelajar Tahun Tiga di Empat IPTA Sesi 2009/2010

IPTA	Bilangan Pelajar Tahun Tiga
UM	2595
USM	3157
UKM	4814
UPM	3894
Jumlah	14460

Sumber: IPTA berkenaan

Berdasarkan populasi pelajar empat IPTA seperti dinyatakan dalam Jadual 3, saiz sampel bagi kajian ini ialah 800. Menurut Sidek Mohd Noah (2002), semakin besar saiz sampel semakin kecil ralat pensampelan. Bagi memastikan setiap kaum diwakili, maka pensampelan rawak strata digunakan dengan nisbah mengikut etnik Melayu, Cina dan India iaitu 60:30:10 dan seramai 800 pelajar akan dijadikan responden dalam kajian ini berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah satu set soal selidik. Menurut Oppenheim (2004) dan Tuckman (1999) bahawa soal selidik dan temu bual merupakan dua bentuk instrumen yang berkesan bagi memperolehi maklumat daripada responden selain membuat pemerhatian. Semua soalan berbentuk positif dan responden dikehendaki menyatakan persepsi mereka mengikut skala *Likert*. Soal selidik terdiri dari dua bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A berkaitan dengan demografi responden. Bahagian B mengandungi 3 seksyen iaitu Seksyen 1 mengenai tahap pengetahuan, Seksyen 2 tentang tahap pemahaman dan Seksyen 3 berkaitan dengan tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlumbagaan.

Dalam kajian ini, kesahan soal selidik ditentukan oleh pakar. Seramai empat orang pakar telah menyemak yang terdiri dari dua pakar dalam bidang perlumbagaan, masing-masing seorang pakar dalam hubungan etnik dan pembinaan soal selidik (Prof. Dr. Abdul Aziz Bari, Prof. Dr. Mansor Mohd. Noor, Prof. Madya Dr. Faridah Jalil dan Prof. Dr. Khairul Anwar Mastor). Kebolehpercayaan merujuk kepada kestabilan dan ketekalan dalam instrumen dalam mengukur sesuatu konsep. Ujian yang popular dan sering digunakan dalam mengukur ketekalan dalam sesuatu konsep ialah Alpha Cronbach. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah antara 0.0 hingga 1.0. Menurut Mohd Majid (1990), nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sering digunakan sebagai indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik telah menetapkan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.60 sebagai nilai kebolehpercayaan bagi setiap bahagian soal selidik yang diuji. Seterusnya, untuk menentukan nilai kebolehpercayaan bagi soal selidik yang telah disediakan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis.

Tinjauan rintis dibuat bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan dan kelebihan yang terdapat dalam soal selidik yang disediakan. Oleh itu, sebelum soal selidik diedarkan, 50 orang pelajar telah dipilih untuk menjawab soal selidik ini terlebih dahulu. Hasil yang didapati menunjukkan 50 orang mahasiswa tersebut tidak mempunyai masalah untuk memahami soalan tanpa bertanya apa yang dikehendaki oleh soalan tersebut. Seterusnya, dengan menggunakan program SPSS, penyelidik telah mengira nilai kebolehpercayaan dan nilai Alpha Cronbach. Didapati nilai Alpha Cronbach yang diperolehi bagi kesemua item soalan adalah melebihi 0.6. Oleh itu, soal selidik yang dibina untuk menjalankan kajian ini adalah sesuai digunakan.

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 16 melalui min, sisihan piawai, *Chi square* dan *cross-tabulation*. Statistik deskriptif seperti

Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam
Perlembagaan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia

frekuensi, peratusan, purata skor atau min, statistik jadual silang (crosstabulation) dan *correlation coefficient* digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menilai tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan peruntukan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. Untuk membincangkan dapatan kajian secara deskriptif berkaitan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap orang Melayu dalam perlembagaan, interpretasi skor min digunakan seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Interpretasi Skor Min Terhadap Tahap Pengetahuan, Kefahaman dan Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Analisis data dan perbincangan kajian

Latar belakang responden

Responden kajian terdiri dari pelajar tahun tiga di empat buah IPTA iaitu UM, USM, UKM dan UPM. Seramai 800 pelajar telah menjawab soal selidik. Latar belakang responden ditanya dalam Bahagian A soal selidik. Perbincangan latar belakang responden ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu profil, latar belakang akademik dan tempat tinggal responden. Jadual 5 memaparkan maklumat mengenai responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada seramai 800 orang responden, seramai 552 orang (69%) adalah pelajar perempuan, manakala pelajar lelaki seramai 248 orang (31%). Sebilangan besar responden iaitu seramai 484 orang (60.5%) adalah dari etnik Melayu, diikuti oleh seramai 242 orang (30.3%) berbangsa Cina, manakala responden dari bangsa India adalah seramai 74 orang (9.3%). Ini sepertimana yang telah ditetapkan dalam nisbah penentuan responden mengikut etnik iaitu Melayu 60%, Cina 30% dan India 10% bagi menggambarkan statistik penduduk Malaysia. Komposisi responden yang diperolehi ini juga menunjukkan bahawa sebilangan besar responden beragama Islam iaitu seramai 485 orang (60.6%), diikuti dengan responden beragama Buddha seramai 187 orang (23.4%). Manakala, terdapat seramai 68 orang (8.5%) responden menganuti agama Hindu, 52 orang (6.5%) beragama Kristian dan tiada agama seramai 8 orang (1%).

Jadual 5: Profil responden

<i>n</i> = 800	Bilangan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	248	31.0
Perempuan	552	69.0
Bangsa		
Melayu	484	60.5
Cina	242	30.3
India	74	9.3
Agama		
Islam	485	60.6
Buddha	187	23.4
Hindu	68	8.5
Kristian	52	6.5
Tiada Agama	8	1.0

Jadual 6 memaparkan maklumat mengenai latar belakang responden yang berkait dengan aliran pendidikan. Didapati bahawa sebahagian besar responden kajian iaitu seramai 564 orang (70.5%) mengikuti aliran sekolah kebangsaan di peringkat sekolah rendah dan majoriti iaitu seramai 691 orang (86.4%) seterusnya menyambung pelajaran di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di seluruh negara. Di sekolah jenis kebangsaan pula, seramai 236 orang (29.5%) dan di peringkat sekolah menengah jenis kebangsaan seramai 109 orang (13.6%).

Jadual 6: Latar Belakang Akademik Responden

<i>n</i> = 800	Bilangan	Peratusan
Aliran Pend. Rendah		
Sek. Kebangsaan	564	70.5
Sek. Jenis kebangsaan	236	29.5
Aliran Pend. Menengah		
Sek. Kebangsaan	691	86.4
Sek. Jenis kebangsaan	109	13.6

Tahap pengetahuan pelajar terhadap peruntukan orang melayu dalam perlumbagaan

Jadual 7 memaparkan tahap pengetahuan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu. Didapati, tahap pengetahuan pelajar mengenai peruntukan orang Melayu dalam perlumbagaan iaitu 338 pelajar (42.3%) berada pada tahap pengetahuan tinggi, 409 pelajar (51.1%) pada tahap pengetahuan sederhana dan seramai 53 pelajar (6.6%) berada pada tahap rendah.

Jadual 7: Tahap Pengetahuan Pelajar

	Tahap Pengetahuan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Peruntukan orang Melayu	53 (6.6)	409 (51.1)	338 (42.3)

Tahap kefahaman pelajar terhadap peruntukan orang melayu dalam perlumbagaan

Responden juga ditanya mengenai tahap kefahaman mereka mengenai peruntukan orang Melayu dan dapatan yang diperolehi dipaparkan dalam Jadual 8. Didapati, tahap kefahaman mengenai peruntukan orang Melayu, lebih separuh iaitu 57.4% atau 459 pelajar mempunyai tahap kefahaman yang tinggi diikuti sederhana seramai 312 pelajar (39%) dan 29 pelajar (3.6%) di tahap rendah.

Jadual 8: Tahap Kefahaman Pelajar

	Tahap Kefahaman		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Peruntukan orang Melayu	29 (3.6)	312 (39.0)	459 (57.4)

Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam
Perlembagaan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia

Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang melayu dalam perlembagaan

Jadual 9 memberikan dapatan mengenai analisis tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu. Jadual menunjukkan tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu iaitu sebanyak 59.7% atau seramai 478 pelajar mengatakan bahawa mereka mempunyai tahap penerimaan yang tinggi, manakala 259 pelajar (32.4%) mempunyai tahap penerimaan yang sederhana dan 7.9% atau 63 pelajar berada pada tahap rendah.

Jadual 9: Tahap Penerimaan Pelajar

	Tahap Penerimaan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Peruntukan orang Melayu	63 (7.9)	259 (32.4)	478 (59.7)

Daripada jadual-jadual di atas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan pelajar terhadap orang Melayu adalah kurang 50% di tahap baik. Ini disebabkan keistimewaan orang Melayu perbincangannya hanya tertumpu kepada Perkara 153 sahaja sedangkan terdapat peruntukan lain yang menyentuh keistimewaan orang Melayu seperti Tanah Rizab Melayu, kemasukan ke dalam Rejimen Askar Melayu di Raja dan jumlah pengundi bagi sesuatu kawasan pilihanraya. Namun, tahap kefahaman pelajar seperti dalam Jadual 8 adalah lebih baik iaitu lebih 50% tahap kefahaman pelajar di tahap tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar memahami kenapa sesuatu peruntukan itu dimasukkan dalam perlembagaan. Sebagai contoh, orang Melayu mendapat keistimewaan dalam bidang ekonomi kerana untuk meningkatkan taraf hidup orang Melayu yang jauh ketinggalan dari etnik yang lain. Hal yang sama juga di mana tahap penerimaan pelajar berada di tahap tinggi iaitu melebihi 60% orang Melayu mempunyai keistimewaan dalam perlembagaan.

Dapatan ini juga menolak pandangan umum seperti Awang Sariyan (2008), Tun Dr. Mahathir Mohamed (Utusan Malaysia 2001) dan Raja Dr. Nazrin Syah (Utusan Malaysia 2007) yang mengatakan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan generasi muda iaitu di IPTA adalah rendah. Pandangan umum ini betul sekiranya kajian dilakukan ke atas masyarakat awam khususnya generasi muda. Dapatan kajian ini juga disebabkan perkara yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu telah diajarkan kepada mereka melalui kursus Hubungan Etnik di IPTA yang salah satu dari tajuknya adalah Perlembagaan Persekutuan dalam konteks hubungan etnik di Malaysia. Namun begitu, tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap orang Melayu hanya dikaitkan dengan Perkara 153 sahaja dan jarang dibincangkan keistimewaan peruntukan orang Melayu yang lain seperti Tanah Rizab Melayu, kemasukan ke dalam Rejimen Askar Melayu di Raja dan jumlah pengundi di luar bandar.

Tahap pengetahuan pelajar terhadap peruntukan orang melayu dalam perlembagaan mengikut faktor demografi

Jadual 10 merekodkan tahap pengetahuan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan mengikut faktor demografi seperti dinyatakan. Berdasarkan etnik, tahap pengetahuan pelajar Melayu (45.2%) dan India (45.9%) di tahap tinggi lebih tinggi berbanding etnik Cina iaitu 35.1%. Bagi komposisi pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana adalah lebih kurang sama antara etnik Melayu (48.3%) dan India (47.3%) berbanding Cina (35.1%). Peratusan lebih tinggi bagi tahap pengetahuan

sederhana, berbanding tahap tinggi bagi ketiga-tiga etnik. Bagi faktor agama pula, tahap pengetahuan di tahap tinggi lebih rendah berbanding tahap sederhana. Pelajar beragama Islam (45.4%) dan Hindu (47.1%) mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi jika dibandingkan dengan agama Buddha (34.8%) dan Kristian (30.8%). Lebih daripada separuh pelajar yang beragama Buddha (57.8%) dan Kristian (61.5%) mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana, manakala tidak ada sebarang pola tahap pengetahuan tertentu bagi pelajar yang beragama Islam dan Hindu. Peratusan pelajar beragama Islam dan Hindu yang mempunyai tahap pengetahuan sederhana dan tinggi adalah lebih kurang sama iaitu antara 45% hingga 48%.

Merujuk kepada aspek kelulusan masuk universiti, didapati pelajar dengan kelulusan diploma (59.7%), matrikulasi (56%) dan lain-lain (55.6%) mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlumbagaan iaitu melebihi 50%. Pelajar dengan kelulusan STPM mempunyai komposisi yang hampir sama bagi tahap pengetahuan sederhana (46.3%) dan tinggi (49.3%). Jika dibandingkan tahap pengetahuan tinggi dan sederhana, ternyata kesemua kelulusan akademik kemasukan ke universiti berada di tahap sederhana kecuali STPM. Seterusnya, tahap pengetahuan hampir kesemua responden yang mengikuti aliran pendidikan sekolah kebangsaan di peringkat rendah adalah sederhana (49%) atau tinggi (44%). Bagi aliran sekolah jenis kebangsaan di peringkat rendah, peratusan yang mempunyai tahap sederhana (55.1%) adalah lebih tinggi sedikit berbanding tahap tinggi (38.1%) dan sekolah kebangsaan (44%).

Tahap pengetahuan pelajar berdasarkan aliran sekolah menengah pula, pola adalah seperti di peringkat rendah, malah lebih terserlah lagi iaitu di tahap tinggi sekolah menengah kebangsaan lebih tinggi (43.7%) berbanding sekolah menengah jenis kebangsaan (33%). Tahap pengetahuan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlumbagaan merentas tempat tinggal pula mendapat bahawa hampir semua pelajar yang tinggal di asrama universiti mempunyai tahap pengetahuan sederhana (49.9%) atau tinggi (44.5%), dengan peratusan yang lebih kurang sama. Bagi yang tinggal di rumah sewa atau dengan ibu bapa, lebih ramai pelajar iaitu mempunyai tahap pengetahuan sederhana (53.2% dan 59.2%) berbanding tinggi (35.4% dan 36.7%).

Jadual 10: Tahap Pengetahuan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlumbagaan Mengikut Faktor Demografi

	Tahap Pengetahuan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Etnik			
Melayu	31 (6.4)	234 (48.3)	219 (45.2)
Cina	17 (7.0)	140 (57.9)	85 (35.1)
India	5 (6.8)	35 (47.3)	34 (45.9)
Agama			
Islam	31 (6.4)	234 (48.2)	220 (45.4)
Buddha	14 (7.5)	108 (57.8)	65 (34.8)
Hindu	4 (5.9)	32 (47.1)	32 (47.1)
Kristian	4 (7.7)	32 (61.5)	16 (30.8)
Tiada Agama	0 (0.0)	3 (37.5)	5 (62.5)
Kelulusan masuk Universiti			
Diploma	1 (1.3)	46 (59.7)	30 (39.0)
Matrikulasi	32 (11.6)	154 (56.0)	89 (32.4)

**Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam
Perlembagaan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia**

STPM	19 (4.4)	199 (46.3)	212 (49.3)
Lain-lain	1 (5.6)	10 (55.6)	7 (38.9)
Aliran Pendidikan Rendah			
Sek. Kebangsaan	37 (6.6)	279 (49.5)	248 (44.0)
Sek. Jenis Keb.	16 (6.8)	130 (55.1)	90 (38.1)
Aliran Pendidikan Menengah			
Sek.Kebangsaan	47 (6.8)	342 (49.5)	302 (43.7)
Sek Jenis Keb.	6 (5.5)	67 (61.5)	36 (33.0)
Temp. Tinggal Sekarang			
Asrama Universiti	33(5.6)	296 (49.9)	264 (44.5)
Rumah Sewa	18 (11.4)	84 (53.2)	56 (35.4)
Rumah Ibu bapa	2 (4.1)	29 (59.2)	18 (36.7)

Tahap kefahaman pelajar terhadap peruntukan orang melayu dalam perlembagaan mengikut faktor demografi

Jadual 11 merekodkan tahap kefahaman pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan mengikut faktor demografi seperti dinyatakan. Berdasarkan etnik, tahap kefahaman pelajar Melayu (67.4%) dan India (54.1%) di tahap tinggi lebih tinggi berbanding etnik Cina iaitu 38.4%. Bagi komposisi pelajar yang mempunyai tahap kefahaman yang sederhana adalah terdapat perbezaan antara etnik Melayu (30.6%) dan India (41.9%) berbanding Cina (55%). Peratusan lebih tinggi bagi tahap pengetahuan sederhana, berbanding tahap tinggi bagi etnik Cina.

Bagi faktor agama pula, tahap kefahaman di tahap tinggi lebih rendah berbanding tahap sederhana bagi pelajar beragama Buddha dan Kristian. Pelajar beragama Islam (67.2%) dan Hindu (51.5%) mempunyai tahap kefahaman yang tinggi jika dibandingkan dengan agama Buddha (38.5%). Lebih daripada separuh pelajar yang beragama Buddha (54.5%) dan Kristian (53.8%) mempunyai tahap kefahaman yang sederhana. Merujuk kepada aspek kelulusan masuk universiti, didapati pelajar dengan kelulusan diploma (57.1%), matrikulasi (54.5%), STPM (59.5%) dan lain-lain (55.6%) mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan iaitu melebihi 50%. Jika dibandingkan tahap kefahaman tinggi dan sederhana, ternyata kesemua kelulusan akademik kemasukan ke universiti berada di tahap tinggi.

Seterusnya, tahap kefahaman hampir kesemua responden yang mengikuti aliran pendidikan sekolah kebangsaan di peringkat rendah adalah tinggi (63.5%). Bagi aliran sekolah jenis kebangsaan di peringkat rendah, peratusan yang mempunyai tahap sederhana (51.3%) adalah lebih tinggi sedikit berbanding tahap tinggi (42.8%) dan di sekolah kebangsaan (63.5%). Tahap kefahaman pelajar berdasarkan aliran sekolah menengah pula, pola adalah seperti di peringkat rendah, iaitu di tahap tinggi sekolah menengah kebangsaan lebih tinggi (59.5%) berbanding sekolah menengah jenis kebangsaan (44%). Tahap kefahaman pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan merentas tempat tinggal pula mendapati bahawa hampir semua pelajar yang tinggal di asrama universiti mempunyai tahap kefahaman tinggi (59.4%) berbanding yang tinggal di rumah sewa (53.2%). Bagi yang tinggal dengan ibu bapa, lebih ramai pelajar iaitu mempunyai tahap kefahaman sederhana (51%) berbanding tinggi (46.9%).

Jadual 11: Tahap Kefahaman Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu dalam Perlembagaan Mengikut Faktor Demografi

	Rendah	Tahap Kefahaman	
		Sederhana	Tinggi
Etnik			
Melayu	10 (2.1)	148 (30.6)	326 (67.4)
Cina	16 (6.6)	133 (55.0)	93 (38.4)
India	3 (4.1)	31 (41.9)	40 (54.1)
Agama			
Islam	10 (2.1)	149 (30.7)	326 (67.2)
Buddha	13 (7.0)	102 (54.5)	72 (38.5)
Hindu	3 (4.4)	30 (44.1)	35 (51.5)
Kristian	3 (5.8)	28 (53.8)	21 (40.4)
Tiada Agama	0 (0.0)	3 (37.5)	5 (62.5)
Kelulusan masuk Universiti			
Diploma	1 (1.3)	32 (41.6)	44 (57.1)
Matrikulasi	14 (5.1)	111 (40.4)	150 (54.5)
STPM	14 (3.3)	160 (37.2)	256 (59.5)
Lain-lain	0 (0.0)	9 (50.0)	9 (50.0)
Aliran Pendidikan Rendah			
Sek. Kebangsaan	15 (2.7)	191 (33.9)	358 (63.5)
Sek. Jenis Keb.	14 (5.9)	121 (51.3)	101 (42.8)
Aliran Pendidikan Menengah			
Sek.Kebangsaan	22 (3.2)	258 (37.3)	411 (59.5)
Sek Jenis Keb.	7 (6.4)	54 (49.5)	48 (44.0)
Temp. Tinggal Sekarang			
Asrama Universiti	21(3.5)	220 (37.1)	352 (59.4)
Rumah Sewa	7 (4.4)	67 (42.4)	84 (53.2)
Rumah Ibu bapa	1 (2.0)	25 (51.0)	23 (46.9)

Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang melayu dalam perlembagaan mengikut faktor demografi

Jadual 12 merekodkan tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan mengikut faktor demografi seperti dinyatakan. Berdasarkan etnik, majoriti pelajar Melayu mempunyai tahap penerimaan yang tinggi (83.5%) dan tahap sederhana sebanyak 16.1%. Jika dibandingkan dengan pelajar Cina (21.5%) dan India (29.7%), penerimaan tahap tinggi mereka adalah rendah. Manakala lebih daripada separuh pelajar Cina (61.1%) dan kurang daripada separuh pelajar India (43.2%) mempunyai tahap penerimaan yang sederhana terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan. Peratusan pelajar Cina dan India di tahap rendah juga agak ramai iaitu 16.9% dan 27% terhadap penerimaan orang Melayu dalam Perlembagaan.

Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam
Perlembagaan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia

Melihat daripada faktor agama pula, didapati majoriti pelajar beragama Islam mempunyai tahap penerimaan yang tinggi (83.5%). Di kalangan pelajar beragama Cina (64.2%), Kristian (53.8%) dan agama lain (50%), lebih daripada separuh pelajar mereka mempunyai tahap penerimaan yang sederhana. Manakala, kurang daripada separuh daripada pelajar beragama Hindu (42.6%) yang mempunyai penerimaan yang sederhana terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlumbaan. Bagi kelulusan masuk universiti, majoriti pelajar diploma (77.9%) dan lain-lain kelayakan (72.2%) mempunyai tahap penerimaan yang tinggi, manakala bagi kelayakan Matrikulasi (66.2%) dan STPM (51.9%), lebih daripada separuh pelajar mempunyai tahap penerimaan yang tinggi.

Seterusnya, berdasarkan pendidikan sekolah rendah, majoriti iaitu lebih 70% pelajar sekolah kebangsaan mempunyai tahap penerimaan yang tinggi. Manakala bagi sekolah jenis kebangsaan pula, lebih daripada separuh pelajar mempunyai tahap penerimaan yang sederhana terhadap peruntukan orang Melayu berbanding sekolah kebangsaan sebanyak 20.9%. Bagi aliran pendidikan menengah pula, lebih daripada separuh pelajar sekolah kebangsaan mempunyai tahap penerimaan yang tinggi (64%) dan bagi sekolah jenis kebangsaan pula, lebih daripada separuh pelajar mempunyai tahap penerimaan yang sederhana (56.9%). Seterusnya berdasarkan tempat tinggal sekarang pula, lebih daripada separuh pelajar yang tinggal di asrama universiti (63.7%) dan rumah sewa (52.5%) mempunyai tahap penerimaan yang tinggi manakala lebih daripada separuh pelajar yang tinggal di rumah ibu bapa mempunyai tahap penerimaan yang sederhana (53.1%) terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlumbaan.

Jadual 12: Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu
dalam Perlembagaan Mengikut Faktor Demografi

Etnik	Tahap Penerimaan		
	Rendah	Sederhana	Tinggi
Melayu	2 (0.4)	78 (16.1)	404 (83.5)
Cina	41 (16.9)	149 (61.6)	52 (21.5)
India	20 (27.0)	32 (43.2)	22 (29.7)
Agama			
Islam	2 (0.4)	78 (16.1)	405 (83.5)
Buddha	29 (15.5)	120 (64.2)	38 (20.3)
Hindu	19 (27.9)	29 (42.6)	20 (29.4)
Kristian	10 (19.2)	28 (53.8)	14 (26.9)
Tiada Agama	3 (37.5)	4 (50.0)	1 (12.5)
Kelulusan masuk Universiti			
Diploma	4 (5.2)	13 (16.9)	60 (77.9)
Matrikulasi	14 (5.1)	79 (28.7)	182 (66.2)
STPM	45 (10.5)	162 (37.7)	223 (51.9)
Lain-lain	0 (0.0)	5 (27.8)	13 (72.2)
Aliran Pendidikan Rendah			
Sek. Kebangsaan	21 (3.7)	118 (20.9)	425 (75.4)
Sek. Jenis Keb.	42 (17.8)	141 (59.7)	53 (22.5)
Aliran Pendidikan Menengah			

Sek.Kebangsaan	52 (7.5)	197 (28.5)	442 (64.0)
Sek Jenis Keb.	11 (10.1)	62 (56.9)	36 (33.0)
Temp. Tinggal Sekarang			
Asrama Universiti	42(7.1)	173 (29.2)	378 (63.7)
Rumah Sewa	15 (9.5)	60 (38.0)	83 (52.5)
Rumah Ibu bapa	6 (12.2)	26 (53.1)	17 (35.7)

Perbincangan kajian terhadap pengetahuan pelajar mengikut faktor demografi terhadap peruntukan orang Melayu menunjukkan terdapat perbezaan. Jelas menunjukkan bahawa dari segi etnik, tahap pengetahuan pelajar Melayu dan beragama Islam lebih baik berbanding pelajar Cina dan India yang beragama Buddha dan Hindu juga Kristian. Pola yang sama juga bagi aliran pendidikan rendah dan menengah.

Bagi tahap kefahaman, berdasarkan etnik, pelajar Melayu mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berbanding pelajar Cina dan India mengenai orang Melayu dan perlembagaan secara umum. Seperti di tahap pengetahuan, terdapat perbezaan antara aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah bagi sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan di mana sekolah kebangsaan lebih tinggi tahap kefahaman berbanding sekolah jenis kebangsaan. Ini menunjukkan sekolah kebangsaan lebih banyak membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap peruntukan orang Melayu berbanding sekolah jenis kebangsaan. Ini disebabkan sekolah kebangsaan sepenuhnya berada di bawah pentadbiran kerajaan berbanding sekolah jenis kebangsaan yang ditadbir urus oleh lembaga pengelola sekolah berkenaan serta tidak terikat sepenuhnya dengan dasar kerajaan. Ini menunjukkan sistem persekolahan yang berasaskan satu etnik sahaja akan melebarkan jurang interaksi antara kaum dan pemikiran mereka terkongkong dengan budaya mereka sendiri.

Di tahap penerimaan pula, jelas terdapat perbezaan yang nyata mengikut etnik, aliran pendidikan sekolah rendah dan menengah. Pelajar Melayu dan beragama Islam majoritinya menerima peruntukan orang Melayu dan perlembagaan secara umum sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan. Namun, bagi pelajar Cina dan India yang beragama Buddha, Hindu dan Kristian adalah lebih rendah. Begitu juga antara sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan sama ada di peringkat rendah atau menengah. Jika dibandingkan mengikut etnik, tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu adalah lebih rendah khususnya bagi pelajar Cina dan India. Ini menjelaskan pelajar Melayu menerima peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan tetapi kebanyakan pelajar Cina dan India kurang menerima.

Ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Hasnah Hussin (2007) dan Mohd Salleh Abas (1985). Pandangan Faridah Jalil (2007) yang mengatakan isu Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan adalah merupakan perbincangan yang sering mengalami pasang surut akan terus berlaku jika tahap penerimaan pelajar bukan Melayu tidak ditangani dengan baik agar konflik dapat dihindarkan dalam kalangan masyarakat. Ini kerana pelajar ini yang akan menjadi pemimpin dalam masyarakat dan pandangan mereka mempengaruhi pemikiran masyarakat.

Kesimpulan

Peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan sangat memberi implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia kerana pelajar Melayu khususnya masih lagi sensitif dan peka terhadap hal yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu. Maka, isu ini perlu diberi perhatian yang serius agar setiap etnik di Malaysia

mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap apa yang termaktub dalam perlembagaan. Hanya melalui tahap penerimaan yang tinggi inilah konflik yang berkaitan dengan Islam dan orang Melayu dapat dikurangkan. Disebabkan kedua-dua isu ini sensitif dalam kalangan rakyat, sikap prejudis, rasisme dan etnosentrisme terhadap agama dan etnik lain perlu dielakkan. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan dialog antara agama dan etnik dengan lebih kerap dalam kalangan rakyat. Selain peranan agensi kerajaan seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu bergerak aktif memainkan peranan yang sama.

Peruntukan orang Melayu juga akan terus menjadi isu dalam masyarakat di Malaysia pada masa hadapan. Ini mengesahkan pandangan Faridah Jalil (2007) yang mengatakan isu Islam dan orang Melayu dalam perlembagaan adalah merupakan perbincangan yang sering mengalami pasang surut akan terus berlaku jika tahap penerimaan pelajar bukan Melayu tidak ditangani dengan baik. Walaupun pelajar bukan Melayu tidak beranggapan peruntukan orang Melayu memberi implikasi terhadap hubungan etnik, tetapi jika perkara ini dibangkitkan oleh pelajar bukan Melayu, ia akan menimbulkan konflik kerana dianggap sensitif oleh pelajar Melayu. Jelas membuktikan bahawa peruntukan orang Melayu memberi kesan atau implikasi terhadap hubungan etnik di Malaysia. Kajian ini selari dengan kajian Mohd Salleh Abas (1985), Abdul Aziz Bari (2001) dan Syed Husin Ali (2008). Ini menunjukkan bahawa isu orang Melayu akan terus menjadi isu atau konflik dalam masyarakat jika tidak ditangani dengan baik.

Disebabkan terdapat perbezaan yang ketara mengikut etnik, agama, aliran pendidikan sekolah rendah dan aliran pendidikan sekolah menengah terhadap tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap orang Melayu dalam perlembagaan, maka faktor-faktor demografi ini sangat relevan dalam mempengaruhi isu-isu berbangkit. Ini kerana kajian oleh Amir Dawi Hasan (2004) dan Mansor Mohd Noor (2005) menunjukkan melalui interaksi yang kerap antara pelbagai etnik dapat mengecilkan jurang pemisah antara etnik, sikap prejudis, rasisme dan etnosentrisme. Adalah dicadangkan agar Sekolah Wawasan diperluaskan di seluruh negara agar pelajar yang berlainan etnik ini dapat berinteraksi sejak dari peringkat sekolah rendah. Di samping itu, program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan atau RIMUP perlu digerakkan secara aktif oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Ini akan menyebabkan mereka terdedah kepada etnik lain dan akan lebih bersifat terbuka terhadap agama dan budaya etnik lain. Manakala aliran pendidikan sekolah menengah perlu hanya satu sahaja iaitu sekolah menengah kebangsaan di mana sekolah menengah jenis kebangsaan diserapkan menjadi sekolah menengah kebangsaan.

Di peringkat IPT pula, disebabkan dasar berkaitan dengan perpaduan dan hubungan etnik lebih jelas di peringkat sekolah dan tiada langkah penerusan dibuat di peringkat IPT dan terpulang kepada pihak IPT untuk melaksanakannya, maka langkah berikut perlu diambil kira iaitu:

- Memupuk kesedaran kepada para pelajar pentingnya interaksi antara etnik dengan memasukkan unsur-unsur interaksi sebagai agenda universiti seperti menjelaskan dalam buku panduan pelajar dan minggu suai kenal.
- Memastikan aktiviti kurikulum seperti mewajibkan tutorial dan tugas pelajar secara berkumpulan mestilah terdiri daripada pelbagai etnik dan pemahaman budaya dan agama merentasi kurikulum.
- Melaksanakan pelbagai aktiviti kokurikulum yang melibatkan pelbagai etnik seperti projek pelajar, persatuan pelajar dan sebagainya melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar di setiap universiti.
- Membuat Dasar Penginapan Kampus di mana melalui dasar ini pelajar disyaratkan tinggal minimum satu sesi akademik dengan pelajar yang berlainan etnik dan agama.

- Memastikan tren penubuhan IPT yang menjurus ke arah satu etnik sahaja perlu dielakkan khususnya di IPTS.

Di luar institusi pendidikan pula, menunjukkan faktor-faktor keluarga, agama, lokasi kediaman, pekerjaan dan komuniti setempat banyak mempengaruhi corak pemikiran terhadap sesuatu isu melalui kajian oleh Adnan Kamis (1994), Amir Dawi Hassan (2004), Fazilah Idris (2008), Mansor Mohd Noor (2005) dan Zaharah Hassan, Bahaman Abu Samah dan Abu Daud Silong (2006). Ini selari dengan dapatan kajian ini di mana faktor agama dan etnik sangat mempengaruhi persepsi pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlumbagaan. Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu mengambil kira lokasi kediaman di taman-taman perumahan baru tidak berpola mengikut etnik, penubuhan jawatankuasa taman yang dianggotai pelbagai etnik khususnya melalui Rukun Tetangga dan interaksi di tempat kerja. Perlu juga dibuat kursus pengurusan masyarakat pelbagai budaya diberikan kepada pemimpin masyarakat seperti ahli politik, pengamal media dan persatuan-persatuan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Begitu juga dengan sistem pendidikan yang dikatakan gagal menerapkan kefahaman pelajar terhadap kontrak sosial sehingga mereka tidak faham dan seterusnya sukar untuk menerima apa yang termaktub dalam perlumbagaan. Kesukaran tahap penerimaan inilah yang menyebabkan sering berlaku konflik apabila muncul isu yang berkaitan dengan peruntukan orang Melayu dalam perlumbagaan. Untuk itu, penulisan buku teks khususnya sejarah perlu ditulis dengan memberi penekanan kepada rasional kenapa dan orang Melayu mempunyai kelebihan dan keistimewaan seperti yang termaktub dalam Perlumbagaan Persekutuan. Penekanan kepada rasional sesuatu perkara itu lebih menyebabkan pelajar mudah menerima kerana mereka adalah golongan terpelajar dan mempunyai pemikiran yang kritis dan terbuka terhadap sesuatu isu. Keadaan seperti memaksa mereka menerima sesuatu tanpa ada krasionalannya menyebabkan golongan ini akan menentangnya. Modul Hubungan Etnik Kementerian Pengajian Tinggi sekarang perlu ditambah baik khususnya tajuk tentang Perlumbagaan Malaysia dalam konteks hubungan etnik di Malaysia agar memasukkan peruntukan orang Melayu mengenai jumlah pengundi bagi sesuatu kawasan pilihanraya yang tidak sama antara bandar dan luar bandar yang merupakan sebahagian dari keistimewaan orang Melayu.

Hubungan etnik di kalangan pelajar IPTA tidak begitu menunjukkan ketegangan, berkemungkinan kerana terdapat penyeliaan yang dibuat oleh pentadbiran universiti terhadap kegiatan dan tingkah laku pelajar ketika berada di kampus. Namun, terdapat ruang bahawa apabila pelajar ini meninggalkan kampus dengan pengetahuan dan kefahaman yang rendah terhadap peruntukan berkaitan orang Melayu boleh mempengaruhi hubungan etnik masyarakat luar kampus. Oleh itu adalah mustahak untuk mengambil langkah proaktif supaya kefahaman yang lebih tinggi dapat diterapkan di kampus.

Rujukan

- Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Bari (2005), *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication
- Adnan Kamis (1994). Satu kajian latar belakang sosial dan hubungannya dengan sikap prasangka atau toleransi terhadap integrasi nasional. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam
Perlembagaan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia

- Amir Dawi Hassan (2004), Hubungan etnik di IPT: Satu kajian etnografi dan model budaya di kalangan pelajar berlainan etnik. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Anon (2001), Betulkan tanggapan generasi muda. *Utusan Malaysia*. 16 Februari.
- Anon (2001), Betulkan tanggapan generasi muda. *Utusan Malaysia*. 16 Februari.
- Anon (2007), Tiga tonggak utama bina negara. *Utusan Malaysia*. 5 Ogos.
- Anon (2009), Hayati sejarah perlembagaan. *Berita Harian*. 17 Februari.
- Awang Sariyan (2008), Trend penulisan kritis semasa: Analisis isu-isu utama bangsa dan negara. *Kesturi* 15 (1&2): 19-35.
- Azman Amin Hassan (2005), Solving conflicts in a multicultural society: The case of Kampung Medan. In Muhammad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hassan. *Reading on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM.
- Baharom Mahusin (2006), Arah hubungan kaum di Malaysia. *Utusan Malaysia*, 26 November.
- Faridah Jalil (2007), Perlembagaan Persekutuan menangani cabaran semasa dan mendatang. Dlm. Faridah Jalil (penyt.). *Undang-Undang Malaysia: 50 Tahun Merentasi Zaman*. Bangi: Fakulti Undang-Undang UKM.
- Fazilah Idris (2008), The influence of individual attributes on inter-ethnic tolerance among early youth in Selangor. Tesis PhD, University Putra Malaysia.
- Harding, A. (1996), *Law, Government and the Constitution in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Hashim Yeop A. Sani (1973), *Perlembagaan Kita*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers Sdn. Bhd.
- Hasnah Hussin (2007), Pembangunan etnik di Malaysia. *Pemikir*. April-Jun Bil. 43.
- Heng Pek Khoon (1988), *Chinese Politics in Malaysia*. Singapore: Oxford University Press.
- Hickling, R. H. (1960), *An Introduction to the Federal Constitution*. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Joseph M. Fernando (2002), *The Making of the Malayan Constitution*. Kuala Lumpur: JMBRAS.
- Karl von Vorys. (1975), *Democracy Without Consensus*. Princeton: Princeton University Press.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970), Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*. 30(3): 607-610.

Nazri Muslim¹, Faridah Jalil¹, Abdul Aziz Bar¹, Mansor Mohd Noor¹ and Khairul Anwar Mastor¹

Malaysia (2004), *Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional Lima Tahun (2005-2010)*. Putrajaya: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Malaysia. 2006. *Rancangan Malaysia Kelapan*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Mansor Mohd Noor (2005), *Integrasi Etnik di IPTA*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.

Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006), *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Malaysia.

Means, G.P. (1991), *Malaysian Politics. The Second Generation*. Singapore: Oxford University Press.

Milne R.S dan Mauzy D.K. (1992), *Politics and Government in Malaysia*. Singapore: Time Book International.

Mohamed Suffian Hashim (1987), *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur

Mohamed Suffian Hashim. H.P Lee dan F.A Trindade (1983), *Perlembagaan Malaysia: Perkembangannya, 1957-1977*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Salleh Abas (1985), *Unsur-Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nazri Muslim (2011). Islam dan Orang Melayu Menurut Perlembagaan Dalam Konteks Hubungan Etnik: Kajian Ke Atas Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. Tesis PhD, Universiti Malaya.

Oppenheim, A. N. (2004), *Questionnaire Design, Interviewing and Attitude Measurement*. London: Heinemann.

Ramlah Adam (2004), *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ratnam, K. J. (1969), *Communalism and the Political Process in Malaya*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Rosfazila Abd. Rahman dan Ayu Nor Azilah Mohamad (2007), Persepsi orang Melayu terhadap peruntukan keistimewaan orang Melayu dalam perlembagaan. *Prosiding Persidangan Undang-Undang Tuanku Jaafar 2007*. Fakulti Undang-Undang UKM.

Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Peruntukan Orang Melayu Dalam
Perlembagaan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia

Salleh Buang (2007), Cadangan hapuskan hak orang Melayu. Dlm. Salleh Buang. *Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia: Perlembagaan dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salleh Buang (2007), Cadangan hapuskan hak orang Melayu. Dlm. Salleh Buang. *Siri Perkembangan Undang-Undang di Malaysia: Perlembagaan dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamsul Amri Baharuddin (Ketua Pnyt.) (2007), *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: UPENA.

Sheriden, L.A and Groves, Harry E. (1979), *The Constitutions of Malaysia*. Singapore: Malayan Law Journal..

Sidek Mohd Noah (2002), *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit UPM.

Syed Husin Ali (2008), *The Malays: Their Problem and Future*. Petaling Jaya: The Others Press.

Tuckman, B.W. (1999), *Conducting Educational Research*. Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan di Malaysia*. Kuala Lumpur: ISTAC.

Wiersma, W. (1995), *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston Allyn and Bacon.

Zaharah Hassan, Bahaman Abu Samah dan Abu Daud Silong (2006), Persepsi pelajar universiti terhadap perpaduan Negara. Dlm Zaharah Hassan, Abdul Latif Samian dan Abu Daud Silong. *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM.